

**KEBERKESANAN PEMBELAJARAN TULISAN JAWI  
DI SEKOLAH AGAMA BANDAR SEGAMAT,  
SEGAMAT, JOHOR DARUL TAKZIM**

**KAJIAN KES PENCAPAIAN PELAJAR-PELAJAR 1991 - 1995**

**OLEH**

ABDULLAH BIN SAID (92421362)

ZAINAB BINTI TALIB (92421913)

HASHIM BIN MAJID (92725980)

Kertas Projek yang dikemukakan kepada  
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang  
Institut Teknologi MARA, Lendu, Alur Gajah, Melaka  
untuk memenuhi sebahagian daripada syarat untuk  
memperoleh Diploma Pentadbiran Awam

**JAN - MEI 1996**

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani, segala puji bagi Allah S.W.T., selawat serta salam kepada Rasullullah s.a.w. Bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya telah memberi keupayaan bagi menyiapkan satu kajian penyelidikan dengan bantuan dan kerjasama dari pelbagai pihak yang tertentu yang terlibat dalam kajian ini serta tenaga anggota kumpulan ini.

Pertama sekali setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada :-

Tuan Haji Ilias Zaidi

Penasihat Kajian

Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang

Institut Teknologi Mara

Cawangan Melaka

Beliau selaku penasihat kerja telah pun memberikan segala kerjasama dari segi bimbingan dan tunjuk ajar serta teguran-teguran yang membina di dalam menjayakan kajian penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan juga turut kami tujukan kepada Encik Ismail Jalis, Jabatan Pendidikan Daerah Segamat, Ustaz Yusoff Mohd Karim, Pejabat Pendidikan Agama Daerah Segamat, kakitangan beliau serta pelajar dan guru Sekolah Agama Bandar Segamat atas kerjasama yang telah ditunjukkan bagi menjayakan penyelidikan ini.

Semoga hasil kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar mengenai tahap pembelajaran dan penguasaan tulisan jawi di kalangan pelajar serta mengetahui faktor yang menyebabkan berlakunya peralihan tumpuan dan minat dari tulisan jawi ke tulisan rumi.

Sekian, terima kasih.

**ABSTRAK**

Tulisan jawi pada masa lalu diletakkan di bawah matapelajaran Bahasa Melayu yang diajarkan oleh para Guru Besar, bersinar semula setelah banyak resolusi di ambil dalam beberapa seminar khususnya mengenai perkara ini.

Ramai di kalangan masyarakat yang mahukan tulisan jawi dikembalikan semula sebagai komponen Bahasa Melayu atas kapasiti tulisan jawi iaitu sebagai satu-satunya tulisan Bahasa Melayu yang digunakan di seluruh kepulauan Melayu sebelum disaingi oleh tulisan rumi pada abad ke 19.

Dewasa ini tulisan jawi di letakkan dalam matapelajaran agama Islam dan diajar oleh guru-guru agama. Masa yang terhad untuk belajar dan mengenali tulisan jawi dirasakan tidak mencukupi. Usaha untuk coba menjadikan pembelajaran agama sepenuhnya menggunakan tulisan jawi adalah langkah yang baik dalam meninggikan lagi status tulisan jawi.

Maju mundurnya sesuatu bahasa banyak bergantung pada keupayaan media penyebarinya, iaitu tulisan yang berkembang mengikut masa atau sekurang-kurangnya bertahan dalam gelombang peredaran zaman. Tidak ada yang lebih merugikan sesuatu bangsa selain daripada kegagalan mempertahankan tulisan bahasanya daripada ditelan gelombang itu. Inilah dilema yang tidak sewajarnya dipandang enteng oleh bangsa Melayu yang sejak zaman berzaman menggunakan tulisan jawi sebagai media penghubung bahasanya.

**KANDUNGAN****MUKASURAT**

|                   |      |
|-------------------|------|
| PENGHARGAAN       | iv   |
| SENARAI SINGKATAN | vi   |
| SENARAI JADUAL    | vii  |
| ABSTRAK           | viii |

**BAB****1. PENGENALAN**

|     |                     |   |
|-----|---------------------|---|
| 1.1 | Pengantar           | 1 |
| 1.2 | Rasional            | 1 |
| 1.3 | Objektif Kajian     | 2 |
| 1.4 | Hipotesis           | 3 |
| 1.5 | Skop Penyelidikan   | 3 |
| 1.6 | Methodologi         | 4 |
| 1.7 | Sekatan dan Masalah | 5 |